
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

BZT 212/3 – Zoologi Vertebrata

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA daripada ENAM soalan yang diberikan dalam Bahasa Malaysia

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

....2/-

1. Bincangkan tentang peristiwa-peristiwa geologi dan biologi dari awal zaman Paleozoik hingga ke akhir zaman Mesozoik.
(20 markah)
2. Terdapat beberapa perubahan dari segi anatomi dan fisiologi pada haiwan-haiwan vertebrata yang berpindah dari habitat air ke habitat daratan. Bincangkan perubahan-perubahan ini.
(20 markah)
3. Pilih salah satu dari berikut:
[a] Terangkan tentang ciri-ciri am kelas Lissamfibia.
ATAU
[b] Bincangkan tentang taburan, kepelbagaian dan status pemuliharaan kelas Chondrichthyes.
(20 markah)
4. Ular tidak berbisa dan berbisa mempunyai mekanisme yang berbeza untuk mengalahkan dan memakan mangsa mereka. Bincangkan pernyataan tersebut.
(20 markah)
5. Perubahan ke atas sistem rangka memberikan kejayaan penerbangan yang cekap kepada kumpulan burung. Nyatakan ciri-ciri perubahan tersebut.
(20 markah)
6. Bincangkan mekanisme pengawalaturan suhu badan secara ektoterma dan jelaskan keuntungan dan kerugian yang dihadapi oleh kumpulan haiwan ektoterma tersebut.
(20 markah)